

PENDEKATAN PENGAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING



Profesor Madya Dr Dahlia Janan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

❖ Abstrak ❖

Makalah ini membincangkan pendekatan bahasa Melayu sebagai bahasa asing untuk pengajaran di sekolah. Perbincangan pendekatan ini dapat membantu para pendidik dalam melaksanakan pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar bukan penutur jati. Dalam pendekatan ini, pengajaran yang melibatkan pergaulan, komunikasi dan hubungan dua hala amat dititik beratkan sebagai medium seseorang pelajar memperoleh bahasa atau input yang bermakna. Interaksi secara lisan pelajar bersama guru mahupun rakan dapat merangsang serta meningkatkan kemahiran bahasa pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu khususnya. Pendekatan ini juga dapat membantu para guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing agar lebih terarah dan dapat mencapai objektif pengajaran. Dengan adanya pendekatan sebegini, diharap dapat mengembangkan bahasa Melayu, menanam minat terhadap bahasa Melayu dan memudahkan pengajaran bahasa Melayu di institusi pendidikan.

Kata kunci: *pengajaran, bahasa Melayu, bahasa asing, bukan penutur jati*

PENGENALAN

Analisis berkaitan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa asing perlu dijalankan bagi mengatasi kualiti penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan bukan penutur jati. Penutur bahasa Melayu sebagai bahasa asing memperoleh bahasa tersebut melalui proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Hal tersebut menyebabkan tatacara penguasaan bahasa tersebut adalah berbeza dengan penutur jati (Zulkifley Hamid 2000). Oleh itu, bahasa Melayu sebagai bahasa asing merujuk kepada bahasa Melayu yang dikuasai dan digunakan oleh mereka yang memperolehinya melalui pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Analisis berkaitan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa asing rata-rata menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan. Antaranya masalah gangguan bahasa ibunda dalam penulisan karangan; kelemahan struktur ayat, kesalahan penggunaan imbuhan dan kosa kata terhad serta tidak dapat mentafsir tajuk karangan dengan baik. Selain itu, masalah kesalahan imbuhan dan pemilihan isi yang tidak menepati tajuk. Kelemahan-kelemahan ini telah dibuktikan dengan kajian yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji terdahulu seperti Chai Loon Guan (1998); Hayati Talib (2001); dan Tan Thian Seng (2004). Berdasarkan kajian-kajian terdahulu maka satu analisis untuk melihat semula pendekatan pengajaran bahasa Melayu itu sendiri perlu dijalankan bagi mengatasi masalah yang sedia ada yang tidak dapat diatasi walaupun pelbagai usaha sudah dijalankan.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa asing merujuk kepada pengajaran bahasa bukan penutur jati di luar persekitaran yang biasa digunakan (Moeller dan Catalano, 2015). Ini bermakna bahasa Melayu boleh menjadi bahasa asing sekiranya seseorang itu menggunakan bahasa Melayu daripada kebiasaannya dan merupakan bahasa yang di luar persekitarannya. Hal ini perlu ditangani meskipun belum ada satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing yang standard, lengkap dan relevan. Kajian Baharudin dan Radzi (2015) berkenaan bahasa Melayu sebagai bahasa asing hanyalah kajian kepustakaan dan tidak memberi gambaran yang jelas dan tepat kerana data hanya dikutip berdasarkan skrip peperiksaan akhir pelajar. Justeru, pendekatan pembelajaran bahasa asing memerlukan analisis seperti pengurusan kelas, penggunaan bahasa dan kaedah pengajaran (Macias, 2018) yang sesuai dengan bahasa Melayu. Dalam pengajaran bahasa asing, pelbagai strategi

dan kemahiran dalam kelas perlu bagi seseorang pelajar (Michinov, Brunot, Le Bohec, Juhel dan Delaval, 2011; Salmon, 2013; Tsan dan Cheng, 2016) bukan hanya kemahiran asas bahasa, tetapi budaya dan perspektif pelajar bahasa tersebut (Atmaca dan Gunday, 2016). Oleh itu, dalam konteks analisis ini, pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing memerlukan pendekatan yang sesuai dan tepat mengikut acuan bahasa Melayu itu sendiri serta berkesan untuk dijadikan garis panduan dan penambahbaikan dalam pembelajaran.

METODOLOGI


Objektif utama analisis ini adalah untuk membangunkan pendekatan bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Selain itu, analisis ini turut mengenal pasti keperluan pendekatan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Analisis ini menggunakan kaedah kepustakaan. Hasil daripada analisis ini, pengkaji merangka dan membangunkan Melayu sebagai bahasa asing.

DAPATAN

Dapatan analisis menunjukkan terdapat lima fasa penting dalam pendekatan ini. Fasa-fasa tersebut ialah konsep, motivasi, lisan, input dan sosial. Pertama, fasa konsep yang dianggap penting agar pengajaran yang dirancang teratur dan mengikut kehendak pengajar. Dalam mencapai fasa ini, kaedah pengajaran yang sesuai perlu dirancang terlebih dahulu agar objektif pengajaran tercapai. Perancangan dalam mengajar bahasa Melayu sebagai asing perlu agar murid melalui proses pemerolehan dalam pembelajaran. Pengajaran yang dirancang perlu mengambil kira konsep pendekatan, kaedah dan teknik sebelum mengajar supaya matlamat pembelajaran boleh dikawal (Layang dan Jamaludin, 2018). Murid juga perlu mengetahui secara jelas pengajaran atau kemahiran yang hendak mereka pelajari pada waktu tersebut. Hal ini kerana keberkesanan pembelajaran terletak kepada perubahan positif murid terhadap pengajaran (Al-Muslim dan Zamri Arifin, 2012). Dalam fasa ini, terdapat dua hipotesis yang digabungkan daripada Krashen (2009); hipotesis pemerolehan dan hipotesis urutan alamiah. Hipotesis pemerolehan menyatakan seseorang memperoleh bahasa melalui pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Fasa dalam pendekatan ini menekankan konsep perancangan pembelajaran yang menjurus

kepada objektif pemerolehan bahasa secara tidak langsung. Manakala hipotesis urutan alamiah menyebut pengajar perlu memperkenalkan konsep bahasa yang mudah agar pelajar dapat memperoleh konsep tersebut sebelum beralih kepada konsep yang lebih sukar. Justeru, fasa ini memerlukan guru merangka sesi pembelajaran agar murid dapat memperoleh bahasa bermula daripada konsep yang mudah. Berpandukan hipotesis-hipotesis Krashen tersebut, aktiviti-aktiviti yang dirangka menjurus kepada pemerolehan bahasa meskipun dalam proses pembelajaran formal.

Rajah 1: Pendekatan Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing, Dahlia Janan



Seterusnya fasa motivasi yang merupakan peneguhan kepada murid agar mereka lebih bermotivasi untuk mempelajari bahasa. Dalam penguasaan bahasa asing, motivasi untuk belajar perlu ditingkatkan (Krashen, 2007) agar murid sentiasa bermotivasi untuk belajar bahasa Melayu. Chew (2016) berpendapat pembelajaran sangat bergantung dengan mood murid sama ada murid berada di bawah tekanan atau tidak mahu untuk belajar bahasa itu. Zulkifley (2005) turut menyatakan seseorang individu yang mempelajari bahasa kedua memilih sama ada mahu atau tidak mahu untuk berusaha menguasai bahasa selain bahasa pertama. Tambahan Krashen (1994) pula, banyak input alam sekitar tidak bermakna bahawa murid boleh belajar bahasa sasaran dengan baik sama ada matlamat pembelajaran murid jelas atau tidak akan memberi kesan langsung kepada pembelajaran mereka. Justeru

itu, faktor emosi memainkan peranan penting dalam menggalakkan murid untuk terus bermotivasi dalam pembelajaran. Justeru, keyakinan diri yang tinggi dapat menzahirkan kebolehan seseorang murid (Bouchareb, 2010), dapat membantu murid melakukan tindakan yang positif (Kamarul Shukri dan Mohamed Amin, 2010) dan merangsang murid melibatkan diri secara aktif untuk menguasai bahasa (Mohd Zaki Ahmad dan Rahman, 2014).

Berikutnya merupakan fasa lisan yang menekankan kemahiran lisan melalui interaksi antara guru dan murid. Fasa ini berlaku dalam sesi soal jawab dan menekankan penggunaan bahasa yang betul dalam komunikasi lisan. Murid memberi respons terhadap guru dengan bahasa yang sesuai sambil dibimbing oleh guru jika terdapat sebarang kesalahan bahasa. Dalam hipotesis Krashen, terdapat aspek yang menekankan tentang kemahiran lisan ini. Hipotesis input yang terdapat dalam Teori Krashen diterapkan dalam fasa ini yang menggalakkan seseorang berkomunikasi bagi memperoleh bahasa tersebut. Lebih banyak seseorang memperoleh rangsangan yang bermakna, lebih cepat mereka menguasai bahasa. Krashen (2009) turut menjelaskan bahawa hipotesis input dimulai dengan komunikasi dan diikuti dengan struktur bahasa. Dalam bilik darjah, input daripada guru merupakan input digunakan sebagai medium pengajaran dan komunikasi dalam bilik darjah. Guru boleh memulakan sesi pembelajaran dengan sesi soal jawab tentang pelajaran ataupun isi pelajaran.

Selain daripada hipotesis input, turut diterapkan dalam fasa ini ialah hipotesis monitor bagi menggalakkan penggunaan yang betul ketika bertutur sama ada dalam proses soal jawab mahupun perbincangan di dalam bilik darjah. Dalam keadaan sebegini. Murid akan mempelajari beberapa peraturan bahasa secara tidak sengaja bagi menambah pengetahuan mereka dalam bahasa melalui interaksi lisan. Kajian Siti Saniah (2013) terhadap pensyarah IPTA dan IPTS mendapati bahawa mereka sukar untuk bertutur bahasa Melayu kerana mereka hanya bergaul sesama kaum sendiri dan menyukarkan mereka untuk menguasai bahasa Melayu. Puteri Roslina (2005) turut menyatakan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dipengaruhi penggunaan bahasa yang tidak formal dan latihan secara formal pula akan memperbaiki, meneguhkan serta menggayakan lagi kebolehan bertutur seseorang murid (Gleason dan Ratner, 2013). Ini jelas menunjukkan bahawa komunikasi dan kemahiran lisan

penting dalam memperbaiki kemahiran bahasa seseorang. Kemahiran lisan yang dimiliki guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran untuk memperbaiki kelemahan murid (Kamarul Azmi Jasmi, 2012) dan meningkatkan keyakinan murid (Azhar Muhammad, 2012) dalam kemahiran ini. Aktiviti pengajaran lisan ini bertujuan untuk menerapkan bimbingan dan bantuan kepada murid serta menjadikan proses pengajaran lebih menarik untuk mencapai objektif pengajaran (Zamri, 2012) serta merupakan kemahiran paling asas yang harus dikuasai murid.

Kemudian, fasa input yang menekankan penerimaan kosa kata yang bermakna dan mudah difahami oleh murid. Ini merupakan fasa yang penting untuk membina kefahaman baharu murid. Krashen (2009) menjelaskan bahawa hipotesis input menekankan input yang difahami murid melalui lisan yang boleh menyebabkan peningkatan kecekapan linguistik seseorang. Melalui komunikasi seseorang akan menguasai kosa kata secara spontan atau dalam keadaan separuh sedar (Krashen, 2009). Jelas menunjukkan bahawa fasa ini diambil daripada hipotesis input Krashen agar tujuan fasa ini jelas dalam mendedahkan murid kepada rangsangan yang bermakna. Selain itu juga, fasa ini turut menekankan rangsangan terhadap maklumat yang hendak diperolehi oleh murid. Penambahan maklumat dapat memperkukuhkan lagi pengetahuan dan meningkatkan kefahaman terhadap bahasa. Menurut Chew (2016) pemahaman input bahasa lisan dan bertulis dilihat sebagai satu-satunya mekanisme yang menyebabkan peningkatan kecekapan linguistik asas, dan output bahasa dianggap tidak membawa apa-apa kesan kepada kecekapan bahasa pelajar. Oleh itu, fasa ini amat menekankan tentang kemahiran lisan melalui komunikasi dan juga melalui bantuan guru sebagai input bagi bahasa tersebut. Di samping itu, pembelajaran kosa kata adalah aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam pembelajaran bahasa asing (Asma dan Nik Mohd Rahimi, 2012). Sememangnya dalam pembelajaran bahasa, memperbanyakkan kosa kata adalah salah satu tujuan utama pembelajaran bahasa (William, 2011). Kosa kata yang banyak mampu membantu murid untuk memahami ayat dan membantu proses pembelajaran yang berkesan (Linse, 2006).

Akhir sekali ialah fasa sosial sebagai membina pengalaman serta pengukuhan terhadap bahasa murid melalui interaksi murid dengan murid yang lain dan dapat mengukuhkan bahasa secara

tidak langsung. Pengalaman yang diperoleh oleh kanak-kanak merupakan pengajaran yang penting sepanjang proses tumbesaran untuk menjadi dewasa (Santrock, 2010; Mcdevitt dan Ormrod, 2012; Berk, 2017). Aktiviti secara berpasangan mahupun berkumpulan boleh dilaksanakan bagi fasa ini. Pengetahuan dan kemahiran murid berkembang dengan baik apabila melibatkan aktiviti dengan rakan (Kamisah dan Aini, 2013) dan aktiviti seperti bermain berkesan untuk memupuk pembangunan kemahiran murid-murid (Ludlow, 2010). Selain itu, interaksi murid di luar bilik darjah seperti di rumah, taman perumahan mahupun di premis kerajaan dan swasta dapat memupuk kebolehan berbahasa dengan baik. Menurut Krashen dalam Chew (2016) menyatakan pembelajaran bahasa kedua dalam bilik darjah yang menggunakan latihan dialog, lakonan, perbincangan kumpulan dan aktiviti komunikatif dapat membantu murid menguasai bahasa. Melalui aktiviti interaksi sosial sebegini, murid dapat mempelajari bahasa secara tidak langsung dan menerima input yang bermakna.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini memberi keutamaan kepada input yang bermakna melalui interaksi murid agar menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Tunjang kepada pendekatan ini ialah Teori Krashen yang meletakkan input bermakna dalam memperoleh bahasa. Pendekatan ini merangkumi lima fasa sebagai asas dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Penerapan pendekatan ini membolehkan murid menguasai bahasa Melayu melalui input bermakna secara interaksi dalam bilik darjah sambil menerapkan unsur motivasi agar murid kekal bermotivasi untuk menguasai bahasa Melayu dengan cara yang betul.

KESIMPULAN

Hasil analisis menunjukkan pendekatan ini sesuai digunakan dalam pengajaran subjek bahasa Melayu untuk pelajar yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama mereka. Selain itu, pendekatan ini dibangunkan hasil daripada maklumat yang diperoleh daripada pelbagai makalah dan jurnal. Namun demikian, pengujian secara berterusan perlu dilaksanakan untuk memantapkan pendekatan ini. Pelaksanaan pendekatan ini yang merangkumi interaksi lisan secara puratanya dapat memberi input yang bermakna kepada pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu. Justeru, diharap pendekatan ini dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di institusi pendidikan. Pada masa hadapan, diharap

pendekatan ini dapat diperkembangkan lagi agar selari dengan perubahan semasa dunia pendidikan sama ada di dalam mahupun di luar negara.

RUJUKAN

Awang Sariyan. (2011). Kemajuan Bahasa Melayu di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa: Cabaran dan Pelan Tindakan. *Kertas Kerja Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)*, 12-14 Oktober 2011.

Awang Sariyan. (2017, 21 Mei). Pengajian Melayu Subur di China. *Utusan Online*. Retrieved 29 January 2018, from <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/pengajian-melayu-subur-di-china-1.484184>

Berk, L.E. (2017). *Development Through The Lifespan*. Edisi ke-9. New York: Pearson.

Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 6(2): 10-22.

Dornyei, Z. & Clement, R. (2001). Motivational Characteristics of Learning Different Target Languages: Results of A Nationwide Survey. In Z. Dornyei & R. Schmidt (Eds.), *Motivation and Second Language Acquisition*, 399-432. Honolulu, HI: University of Hawaii Press.

Gleason, J.B. & Ratner, N.B. (2013). *Development of Language*. 8th Edition. New York: Pearson.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Siaran Akhbar Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2016-2017*. <https://doi.org/14 July 2017>

Kamisah, O. & Aini, N. (2013). Teachers and Students As Game Designers: Designing Games for Classroom Integration. *New Pedagogical Approaches in Game Enhanced Learning: Curriculum Integration*, 102-113.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krashen, S. (2009). *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. University of Southern California. Retrived from http://www.sdkrashen.com/content/books/principles_and_practice.pdf Accessed 12 jan 2019.
- Ludlow, S. (2010). The Place of Play in Twenty-First Century Classroom: Evidence and Approaches. *TEACH Journal of Christian Education*, 4(2), 5.
- Mcdevitt, T.M.&Ormrod, J.E. (2012). *Child Development and Education, Student Value*. Edisi ke-5. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Michinov, N., Brunot, S., Le Bohec, O., Juhel, J., & Delaval, M. (2011). Procrastination, participation, and performance in online learning environments. *Computers & Education*, 56(1), pp. 243 – 252.
- Moeller, A. J., & Catalano, T. (2015). Foreign Language Teaching and Learning. In *International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences* (pp. 327–332). <https://doi.org/10.1016/B978-0-08-097086-8.92082-8>
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli, & Siti Saniah Abu Bakar. (2016). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Di Jerman. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JuKu)*, 4(2), 10–19.

- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2007). *Pengenalan Kepada Konsep Analisis Kesilapan dalam Pembelajaran Bahasa Kedua* dalam Puteri Roslina Abdul Wahid dan Wong Khok Seng (2005). Monograf Bahasa Melayu. 69-84. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Santrock, J.W. (2010). *Children*. Edisi ke-11. New York: Mcgraw-Hill Companies Inc.
- Siti Saniah Abu Bakar. (2013). Kekangan Pelajar Asing dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 3(1): 52-62.
- Tsan, R., dan Cheng, -Jui. (2016). Reading Online in Foreign Languages: A Study of Strategy Use. *International Review of Research in Open and Distributed Learning Broadbent & Poon Coiro*, 17(6), 164–182.
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Berdasarkan Sikap Dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 6(1), 38-51.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Cetakan Ketiga*. Tanjung Malin: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zulkifley Hamid. (2005). *Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.